# Pendaftaran Permohonan Lesen Baharu PPW
# https://ideal.kpkt.gov.my

KPKT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
**BAHAGIAN KAWALAN KREDIT KOMUNITI**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN BAHARU PEMBERI PINJAM WANG DI BAWAH AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951 [AKTA 400]**

| Bil. | Butiran | Semakan |
|---|---|---|
| 1. | **Borang Permohonan**<br>Permohonan Lesen Baharu Pemberi Pinjam wang (PPW) perlu dibuat secara atas talian melalui Sistem iDEAL di alamat **https://ideal.kpkt.gov.my** | |
| 2. | **Dokumen Permohonan Lesen Baharu Pemberi Pinjam Wang**<br>Sila kemukakan dokumen seperti berikut semasa mengemukakan permohonan:<br><br>2.1 Borang permohonan [Jadual A, Akta Pemberi Pinjam Wang] yang telah lengkap diisi.<br>2.2 Dokumen e-Info SSM *(Corporate Information)* terkini yang menunjukkan pembuktian status syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd) atau Berhad dengan modal berbayar syarikat minima RM 2 juta.<br>2.3 Jadual C, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akuan Berkanun) bagi setiap Pengarah/Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM.<br>2.4 Salinan Kad Pengenalan/Pasport bagi setiap Pengarah/Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM.<br>2.5 Salinan keputusan carian kebankrapan (Insolvensi) bagi setiap Pengarah/ Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM.<br>2.6 Salinan pembuktian pemilikan premis perniagaan yang dicadangkan. Sila kepilkan perjanjian penyewaan yang disetemkan dengan sempurna jika premis bukan milik pemohon. Sertakan juga salinan bil utiliti dan kordinat GPS premis.<br>2.7 *Criminal Clearance & Bankruptcy Report* yang terkini dari negara asal pemohon. (Jika pengarah/pengurus bukan warganegara Malaysia). | |
| 3. | **Ujian Rakaman Cap Jari**<br>Setiap pemohon (warganegara dan bukan warganegara) perlu menjalani rakaman cap jari PDRM di Pusat Pendaftaran Penjenayah Malaysia dan Singapura, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Hanya pemohon yang **LULUS** tapisan cap jari sahaja akan dipertimbangkan untuk kelulusan permohonan lesen baharu oleh Pendaftar Pemberi Pinjam Wang.<br><br>KPKT akan mengeluarkan surat arahan menjalani proses rakaman cap jari kepada pemohon setelah permohonan lengkap diterima. | |

| Bil. | Butiran | Semakan |
|---|---|---|
| 4. | Nota:<br>Sila ambil maklum bahawa permohonan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sekiranya:<br>4.1 Pemohon mengemukakan permohonan bagi membuka cawangan;<br>4.2 Pemohon mempunyai lesen Pemegang Pajak Gadai di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81]; dan<br>4.3 Pemohon mengemukakan permohonan untuk beroperasi di negeri Melaka dan Kelantan serta di dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Kemaman dan Majlis Daerah Yan. | |